

BERITA HARIAN, SELASA, 23 SEPTEMBER 1989

Oleh RUHANIE AHMAD
dan FARUSH KHAN

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menggesa Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang, mengemukakan butir-butir khusus untuk membuktikan dakwaannya bahawa Kerajaan Malaysia kini kerugian \$806 juta setahun akibat pengeluaran minyak mentah berlebihan oleh sebuah syarikat minyak antarabangsa di sini.

Ketika ditemui oleh wakil Berita Harian di Kemaman, Trengganu, tengahari ini, Timbalan Perdana Menteri berkata, Encik Lim perlu mengeluarkan bukti-bukti tertentu mengenai dakwaannya itu.

Kerugian \$806 juta

"Kalau bukti-bukti itu menunjukkan dakwaan beliau benar, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak berkenaan," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir membuat gesaan ini ketika diminta mengulas dakwaan Encik Lim yang kononnya sekarang ini terdapat satu skandal minyak di negara ini melibatkan wang ber-

Minyak: Kit Siang digesa buktikan dakwaannya...

juta-juta ringgit.

Dakwaan yang panjang lebar itu terkandung dalam lidah rasmi DAP, Roket, keluaran bulan ini.

Menurut dakwaan itu, Kerajaan Malaysia kini mengalami kerugian \$806 juta setahun akibat pengeluaran minyak mentah yang melebihi had yang ditentukan oleh PETRONAS, di Telaga Tapis A, beberapa batu dari perairan Trengganu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kalau benar-benar ketua pembangkang itu mempunyai bukti, ia wajar diserahkan kepada Kerajaan untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, pihak PETRONAS ketika dihubungi di sini hari ini, enggan memberi sebarang komen mengenai

dakwaán Encik Lim.

Bagaimanapun, sumber-sumber PETRONAS memberitahu, dakwaan Encik Lim itu sepatutnya disampaikan kepada pihak berkenaan seperti Biro Siasatan Negara.

Pihak Esso Production Malaysia Inc. tidak dapat dihubungi petang ini kerana pegawai-pegawai di jabatan hal ehwal awamnya sibuk bermesyuarat.

Seorang jurucakap ESSO, bagaimanapun, memberitahu lewat petang ini pihaknya tidak menyedari dakwaan Encik Lim itu, sehingga hari ini.

ESSO, katanya, akan membuat siasatan rapi terhadap tuduhan itu sebelum dapat mengeluarkan sebarang kenyataan khusus.